

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	01 JANUARY 2017

# Keselamatan, kebajikan rakyat sentiasa diutamakan

BH - 1/1/2017

→ PM lahirkan penghargaan kepada polis, tentera kekalkan ketenteraman awam

► Kuala Lumpur

**K**etika Malaysia hendak melangkah ke Tahun Baharu 2017, Datuk Seri Najib Razak berikrar bahawa kerajaan akan sentiasa mengutamakan kepentingan keselamatan dan kebajikan rakyat.

Justeru, Perdana Menteri melahirkan penghargaan kepada pasukan polis dan angkatan tentera atas peranan besar mereka dalam mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan sambil memberi jaminan kerajaan akan terus berwaspada berhubung hal keselamatan.

"Kita menghadapi serangan pertama berkaitan Daesh pada Jun dan hanya semangat serta dedikasi anggota polis dan tentera yang berani yang tidak mengenal erti penat menghalang insiden seperti itu terus berlaku," kata beliau dalam Perutusan Tahun Baharu 2017.

Perdana Menteri berkata kerajaan dan pasukan keselamatan akan terus melindungi Sabah terutama di Zon Keselamatan Khas Pantai Timur Sa-

## Fakta nombor

4.5  
PERATUS

unjuran kadar pertumbuhan Malaysia 2016

2.5  
PERATUS

jangkaan kadar inflasi Malaysia pada 2016

bah, daripada ancaman oleh kumpulan penganas dan penculik.

### Suarakan isu global

Mengenai peranannya di pentas antarabangsa, beliau berkata Malaysia tidak akan memencilkan diri daripada bersuara dan akan memainkan peranan aktif bagi membangkitkan isu global yang penting.

Perdana Menteri menarik perhatian kepada isu etnik Rohingya dan usaha mencari keamanan di Asia Barat, termasuk soal Palestin, sebagai contoh, bagi peranan yang dimainkan Malaysia.

Najib berkata, pertumbuhan Malaysia harus dikekalkan dan dikongsi secara sama rata.

Malah, beliau menegaskan bahawa projek infrastruktur berskala besar di seluruh negara akan membantu kerajaan mencapai matlamat itu.

"Saya berazam untuk menyaksikan kejayaan projek ini kerana saya

tahu banyak komuniti, yang saya lawati, akan mendapat manfaat daripadanya," katanya.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata unjuran pertumbuhan Malaysia pada kadar 4.3 hingga 4.5 peratus tahun lalu (2016), sesuatu yang diimpikan sesebuah negara maju khususnya di Eropah dan Amerika Utara.

Perdana Menteri berkata, perubahan besar di seluruh dunia pada 2016, dengan pasaran mata wang pesat membangun dan Malaysia tidak terlepas daripada kesan peningkatan nilai dolar Amerika Syarikat (AS).

### Bangga pertumbuhan ekonomi

"Kerajaan terus meningkatkan komitmen untuk membangunkan masyarakat yang lebih selamat, makmur dan saksama. Rakyat Malaysia sewajarnya bangga terhadap pertumbuhan yang kita capai," katanya.

Najib berkata, rakyat negara ini juga perlu berbangga dengan lapo-

ran terkini Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) yang memuktamadkan bahawa 'Meskipun wujud halangan, prestasi ekonomi Malaysia terus meningkat'.

Beliau berkata, IMF memperakui usaha kerajaan dalam melaksanakan dasar kepelbagaian, fleksibiliti dalam kadar tukaran, dan memperkukuh pasaran kewangan.

"Organisasi itu memuji pembaharuan dalam menggalakkan penyertaan pekerja wanita, meningkatkan kualiti pendidikan, meningkatkan produktiviti, melabur dalam infrastruktur serta menggalakkan penyelidikan dan pembangunan.

"Penilaian seperti ini adalah bebas dan dilakukan oleh pakar terkemuka dunia. Ini mencerminkan gambaran sebenar Malaysia. IMF memuji kita yang membuat 'kemajuan signifikan ke arah merealisasikan status negara berpendapatan tinggi. Inilah realitinya," katanya.

BERNAMA